RELIANCE STEEL & ALUMINUM CO.

DASAR ANTIPENYOGOKAN DAN ANTIRASUAH

Pengenalan

1. Reliance komited untuk mengurus niaga perniagaan dengan integriti, dan bertindak secara beretika dan mengikut undang-undang, mengikut semua undang-undang dan pengawalaturan yang berkuat kuasa. Akta Amalan Rasuah Luar Negara A.S ("***FCPA***") dan Akta Rasuah UK 2010 ("***Akta Penyogokan UK***"). Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, Reliance mempunyai dasar yang sudah lama wujud yang melarang penyogokan dan rasuah dalam pengendalian perniagaan kita di Amerika Syarikat dan di luar negara.

2. Dasar Perniagaan Antisogokan dan Antirasuah ("***Dasar***") dikenakan kepada semua pengarah, pegawai, pekerja, subsidiari dan anggota gabungan Reliance di mana-mana sahaja berada berkenaan dengan aktiviti mereka bagi pihak Reliance (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "***Pekerja***"). Reliance juga mengharapkan sesiapa yang bertindak bagi pihak, demi kepentingan, Reliance – termasuk tetapi tidak terhad kepada rakan usaha sama dan rakan niaga, ejen, pengedar dan perunding lain (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "***Rakan Niaga***" dan, bersama-sama dengan Pekerja, "***Sekutu Perniagaan***") – untuk mematuhi semua undang-undang antirasuah dan Dasar yang berkuat kuasa.

3. Sekutu Perniagaan tidak boleh mengambil sebarang tindakan bagi tujuan memintasi keperluan-keperluan ini. Sebagai contoh, Sekutu Perniagaan tidak boleh meminta atau pun sebaliknya menggunakan pihak ketiga untuk mencapai perkara itu yang dilarang oleh Dasar ini.

Keperluan Am untuk Mencegah Penyogokan dan Rasuah

4. Sekutu Perniagaan tidak boleh membuat, menjanjikan, meluluskan, membenarkan atau menawarkan secara langsung atau tidak langsung kepada sesiapa – atau menerima atau meminta daripada sesiapa – apa-apa yang mempunyai nilai (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran tunai) untuk memujuk penerima secara tidak wajar untuk mengambil (atau menahan daripada mengambil) tindakan yang boleh memberikan manfaat atau kelebihan perdagangan ke atas Reliance, anggota gabungannya atau mana-mana pihak lain.

5. Memberikan barang yang mempunyai nilai kepada ahli keluarga, ahli gabungan yang rapat, atau organisasi keutamaan rakan niaga, potensi rakan niaga atau pegawai awam hendaklah mengikut pengehadan yang sama seperti yang ditetapkan bagi hadiah, hiburan dan layanan baik secara amnya, kerana tindakan tersebut mungkin ditafsirkan sebagai cubaan untuk memintasi peraturan-peraturan ini.

Berurusan dengan Pegawai Awam

6. Walaupun ia bukan dasar Reliance untuk melarang penyogokan apa-apa jenis (kedua-dua dalam sektor swasta atau awam), interaksi dengan Pegawai Awam (ditakrifkan di bawah) mesti dipantau dengan penuh teliti disebabkan oleh penambahan risiko bagi pelanggaran undang-undang antirasuah yang berkuat kuasa. Penyogokan ke atas Pegawai Awam adalah bertentangan dengan undang-undang dalam setiap negara dan sering membawa penalti jenayah bagi kedua-dua pekerja dan syarikat. Oleh sebab itu, sebarang urusan kewangan atau perniagaan dan sebarang hadiah

atau hiburan/layanan baik. yang melibatkan orang tersebut akan diperhatikan dengan penuh teliti, kedua-dua oleh Reliance dan oleh orang di luar syarikat.

7. Di samping itu, banyak negara, termasuk Amerika Syarikat dan United Kingdom, antara lainnya, mempunyai undang-undang yang menentang penyogokan Pegawai Awam di negara selain daripada negara mereka sendiri. Dengan itu, ia penting untuk mengingati bahawa sebarang sogokan yang sedemikian akan mewujudkan masalah bagi anda dan Reliance dalam lebih daripada satu bidang kuasa undang-undang. Justeru, semua interaksi dengan Pegawai Awam hendaklah mengikut Dasar ini betul-betul untuk mengelakkan sebarang kehadiran ketidakwajaran bagi pihak Reliance.

8. Bagi tujuan Dasar ini, "Pegawai Awam" termasuk: (i) mana-mana pegawai atau pekerja jabatan kerajaan atau mana-mana jabatan, agensi atau jenteranya (termasuk perusahaan milik kerajaan atau kawalan kerajaan atau kemudahan atau sistem kendalian negeri) atau organisasi antarabangsa awam; (ii) mana-mana orang yang bertindak dalam kapasiti rasmi untuk atau bagi pihak kerajaan atau entiti kerajaan atau organisasi antarabangsa awam, sebarang parti politik atau pegawai rasmi pasti atau mana-mana calon bagi jawatan politik (termasuk, sebagai contoh, perunding yang memegang jawatan kerajaan, pekerja syarikat yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan, penjawat awam, pegawai pentadbiran dan undang-undang, calon politik dan ahli tentera). Walaupun mereka sendiri bukan Pegawai Awam, interaksi dengan ahli keluarga, dan orang lain yang rapat dengan Pegawai Awam adalah tertakluk kepada sekatan yang sama dengan interaksi dengan Pegawai Awam.

9. Dalam mengendalikan aktiviti berkaitan Reliance mereka, Sekutu Perniagaan tidak boleh menawarkan, membayar, memberikan, menjanjikan atau membenarkan pembayaran sebarang wang atau apa-apa yang mempunyai nilai kepada mana-mana orang semasa keadaan yang relevan akan menunjukkan secara munasabah kebarangkalian yang tinggi bahawa orang tersebut telah menawarkan atau memberikan, atau akan menawarkan atau memberikan, wang atau apa-apa yang mempunyai nilai kepada, atau untuk manfaat mana-mana Pegawai Awam untuk mempengaruhi secara tidak wajar pencapaian fungsi rasmi Pegawai Awam.

10. Sekutu Perniagaan tidak dibenarkan untuk membuat atau menawarkan pembayaran pemudahan secara langsung atau tidak langsung. "Pembayaran pemudahan" ialah pembayaran nominal kepada Pegawai Awam untuk menjamin atau mencepatkan pencapaian tindakan kerajaan yang rutin dan bukan mengikut budi bicara. Contoh pembayaran pemudahan termasuk pembayaran untuk mencepatkan pemprosesan lesen, permit atau visa yang mana kertas kerja adalah lengkap. Jika Sekutu Perniagaan menerima atau menyedari mengenai permintaan atau desakan bagi pembayaran pemudahan atau sogokan yang berkaitan dengan kerja untuk Reliance, Sekutu Perniagaan mesti melaporkan permintaan atau desakan tersebut atau meminta dengan segera kepada penyelia utamanya atau Kumpulan Undang-undang Korporat, sebelum mengambil sebarang tindakan lanjut. Yuran perkhidmatan yang sah dan mengikut undang-undang yang dibayar kepada agensi kerajaan yang ditawarkan kepada orang awam menurut jadual (cth. yuran perkhidmatan dicepatkan) adalah bukan bayaran pemudahan.

Hadiah, Layanan Baik dan Hiburan

11. Di kebanyakan negara, hadiah, layanan baik dan hiburan memainkan peranan penting dalam protokol dan adat resam perniagaan. Bagaimanapun, apabila diberikan secara tidak wajar, hadiah, layanan baik dan hiburan boleh melanggar satu undang-undang atau lebih. Oleh itu, undang-undang dan dasar Reliance mesti diikut.

12. Semua hadiah, layanan baik dan hiburan mestilah:

- Sah di bawah semua undang-undang antirasuah yang berkuat kuasa, termasuk FCPA, Akta Penyogokan UK dan undang-undang setempat yang berkuat kuasa
- Jelas dan didokumenkan
- Sekali-sekala
- Bukan tunai atau bersamaan tunai
- Tidak pernah diberi atau diterima jika tindakan tidak wajar dijangkakan sebagai balasan
- Jika penerima ialah Pegawai Awam, anda mesti memperoleh kelulusan bertulis terdahulu daripada Ketua Penasihat

13. Berkaitan dengan kerja untuk Reliance, Pekerja tidak dibenarkan untuk menerima hadiah, perkhidmatan, faedah istimewa, hiburan atau item lain yang lebih daripada nilai token atau wang yang sedikit daripada Rakan Niaga atau orang yang bertindak bagi pihak mereka. Tambahan pula, hadiah yang bernilai kecil dibenarkan hanya jika ia diterima secara tidak kerap dan hanya pada ketika pemberian hadiah yang wajar.

Derma Amal dan Sumbangan Politik

14. Sumbangan kepada calon politik atau parti politik, dan juga derma kepada organisasi amal yang mana Pegawai Awam mempunyai peranan (seperti pengarah atau pemegang amanah) membangkitkan potensi isu di bawah undang-undang antirasuah. Oleh sebab itu, tiada sumbangan politik atau derma amal mungkin ditawarkan atau dibuat bagi pihak Reliance melainkan diluluskan sebelumnya secara bertulis oleh Ketua Penasihat.

15. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, Sekutu Perniagaan boleh menyertai dalam aktiviti politik dan amal dengan wang mereka sendiri dan pada masa peribadi mereka sendiri. Aktiviti yang sedemikian boleh dilakukan dalam cara yang nampak jelas pada pandangan pemerhati luar bahawa ia tidak berkaitan dengan sebarang perniagaan Reliance.

Buku dan Rekod

16. Buku dan rekod korporat Reliance dan subsidiari dan anggota gabungannya mestilah menggambarkan secara adil, tepat dan lengkap, dalam butiran yang terperinci yang munasabah, urus niaga dan aktiviti Reliance dan subsidiari dan anggota gabungannya, termasuk sifat dan tujuan urus niaga atau aktiviti. Tiada masukan yang salah, tidak tepat atau tidak lengkap boleh dibuat dalam buku dan rekod kita untuk sebarang alasan. Personel perakaunan dan kewangan, dengan bantuan daripada Kumpulan Undang-undang Korporat, bila perlu, akan mengesahkan bahawa buku dan rekod Reliance dan subsidiari serta anggota gabungannya memenuhi keperluan ini, menerusi kajian semula berkala dan cara lain.

17. Reliance dan subsidiari serta anggota gabungannya akan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang cukup untuk memberikan jaminan yang munasabah bahawa:

- Urus niaga dilaksanakan mengikut kebenaran am atau khusus pihak pengurusan.

- Urus niaga dicatatkan seperti yang diperlukan (1) untuk membenarkan penyediaan penyata kewangan yang sejajar dengan prinsip perakaunan yang diterima umum atau mana-mana kriteria lain yang boleh diguna pakai kepada penyata tersebut; dan (2) untuk mengekalkan kebertanggungjawapan bagi aset.

- Akses kepada aset dibenarkan hanya mengikut kebenaran am atau khusus pihak pengurusan.

- Kebertanggungjawapan yang dicatatkan bagi aset dibandingkan dengan aset sedia ada pada jarak waktu yang munasabah dan tindakan yang sewajarnya diambil berkenaan dengan sebarang perbezaan.

Tanggungjawab dalam Sokongan Terhadap Dasar Ini

18. Pematuhan kepada Dasar ini adalah mandatori. Penyertaan dalam, kepatuhan kepada, prinsip dan keperluan yang dikemukakan dalam Dasar ini akan menjadi unsur penilaian tahunan setiap Pekerja dan akan memberi kesan kepada keputusan berkenaan dengan pemampasan, kenaikan pangkat dan pengekalan.

19. Pekerja yang melanggar Dasar ini adalah tertakluk kepada tindakan disiplin, termasuk pemecatan. Rakan Niaga yang melanggar Dasar ini adalah tertakluk kepada penamatan semua perhubungan perdagangan dengan Reliance.

20. Untuk menggalakkan pematuhan, personel yang berikut mesti menjalani latihan pematuhan bila dan seperti yang ditentukan oleh Kumpulan Undang-undang Korporat: (i) pegawai dan personel pengurusan, termasuk ketua pegawai eksekutif, presiden, ketua pegawai operasi, timbalan presiden, pengurus besar, pengurus bahagian, ketua pegawai kewangan dan pengawal Reliance dan bahagian, subsidiari dan anggota gabungannya (secara kolektif, "***Personel Kanan Reliance***"), dan (ii) semua pekerja atau ejen yang berinteraksi dengan Pegawai Awam, Rakan Niaga atau pelanggan (orang tersebut secara kolektif dirujuk sebagai "***Wakil Reliance***").

21. Di samping itu, untuk memastikan bahawa kita mengekalkan reputasi kita bagi integriti dan kesaksamaan, Personel Kanan Reliance dan Wakil Reliance mesti memastikan bahawa Dasar ini difahami dengan jelas dan diikut oleh orang lain yang bertindak bagi pihak Reliance, termasuk Rakan Niaga kita.

22. Personel Kanan Reliance dan Wakil Reliance akan dikehendaki mengembalikan pada setiap tahun Perakuan Pematuhan yang dilampirkan bersama-sama ini sebagai Lampiran A. Perakuan Pematuhan hendaklah dilengkapkan dan dihantar kepada Kumpulan Undang-undang Korporat pada setiap tahun kalendar mengikut jadual yang ditentukan oleh Reliance. Rakan Niaga mungkin dikehendaki mengembalikan Perakuan Pematuhan yang dilampirkan bersama-sama ini sebagai Lampiran A bila dan seperti yang ditentukan oleh Kumpulan Undang-undang Korporat.

23. Sebarang pertanyaan berkenaan dengan Dasar ini hendaklah dibangkitkan kepada Ketua Penasihat di talian +1-213-576-8832 atau will.smith@rsac.com.

24. Sekutu Perniagaan diharapkan untuk membangkitkan kebimbangan yang berkaitan dengan potensi pelanggaran Dasar ini atau undang-undang. Laporan boleh dibuat kepada penyelia anda, Kumpulan Undang-undang Korporat atau menerusi Talian Hangat EthicsPoint. Pelaporan tersebut digalakkan. Kegagalan untuk mengkomunikasikan dalam keadaan tersebut boleh menyebabkan tindakan disiplin atau penamatan kontrak.

25. Sebarang laporan yang sedemikian boleh dibuat secara tanpa nama. Walau dalam apa jua keadaan sekalipun, anda tidak akan tertakluk kepada tindakan pembalasan kerana melaporkan pelanggaran yang disyaki atau yang sebenar dengan niat baik. Tiada siapa pun di Reliance akan dibenarkan untuk bertindak balas terhadap anda dan cubaan untuk melakukannya akan tertakluk kepada tindakan disiplin.

* * *